

## **BAB DUA**

### **TINJAUAN KAJIAN BERKAITAN**

#### **2.0 PENGENALAN**

Bab ini merupakan tinjauan terhadap kajian-kajian yang berkaitan dengan kajian yang dibuat untuk mengetahui perkembangan yang berlaku tentang tajuk yang dikaji. Beberapa rujukan telah digunakan yang di antaranya termasuklah buku-buku teks, jurnal, majalah, kertas-kertas kerja seminar, dan sebagainya.

#### **2.1 BAHASA DAN PERUBAHAN**

Menurut Milroy (1992 : 1 – 19), salah satu fakta penting tentang bahasa manusia ialah , bahasa sentiasa berubah. Sejarah menunjukkan bahawa bahasa sentiasa berubah, misalnya bahasa Inggeris zaman Shakespeare dan bahasa Inggeris zaman ini, malah bahasa itu berubah secara berterusan dari dulu hingga sekarang. Pada amnya, kepelbagaian bahasa yang lama semakin hilang dan kepelbagaian baru pula muncul; perubahan dari segi sebutan, kata baru dibentuk manakala kata lama disesuaikan untuk kegunaan baru. Kadang kala perubahan berlaku dengan cepat, kadang kala perlahan, dan pada satu-satu masa struktur linguistik berubah, manakala ada pula yang terus stabil. Malahan perubahan bahasa yang seolah-olahnya perkara semula jadi dalam tabi'i bahasa atau dengan perkataan lain, tiada satu pun bahasa manusia yang benar-benar stabil dan tidak berubah. Pada satu-satu masa juga bahasa mempunyai kepelbagaian, iaitu bahasa bukanlah terdiri daripada entiti-entiti yang seragam. Bahasa itu pelbagai mengikut kawasan geografi dan masyarakatnya, dan mengikut konteks penggunaannya.

Kajian Milroy (1992 : 31) memfokus tentang kepelbagaian bahasa dalam bahasa Inggeris daripada aspek fonologi. Beliau mengkaji tentang sejauh mana perubahan

bahasa itu merupakan fenomena sosial. Mengikut Milroy, bahasa tidak dapat dicerap atau diuraikan secukupnya tanpa bergantung pada masyarakat. Beliau membincangkan isu ini dalam penyelidikan sosiolinguistiknya di Belfast tentang pola perubahan bunyi bahasa dalam komuniti, dan menunjukkan bahawa dalam menerangkan kepelbagaiannya kita perlu memahami faktor-faktor yang mengekalkan bahasa dan faktor-faktor yang menghalang perubahan bahasa.

Menurut McMahon (1994 : 11 – 13), perubahan bahasa mempengaruhi semua aspek tatabahasa, iaitu sistem bunyi atau fonologi ; struktur perkataan atau morfologi ; struktur ayat atau sintaksis ; dan makna atau semantik. Dalam mengkaji perubahan bahasa, kita juga perlu mengambil kira dan menilai beberapa teori tentang perubahan bahasa dan kembali kepada tiga masalah berkaitan perubahan linguistik, iaitu bagaimana perubahan itu berlaku ; penyebaran perubahan itu; dan adakah perubahan linguistik itu dapat diuraikan.

Perubahan bahasa yang merupakan salah satu daripada pelbagai sifat bahasa natural, yang dipelajari dan digunakan secara tabii oleh sebuah masyarakat tidak melibatkan pertukaran secara menyeluruh sehingga melahirkan bentuk-bentuk bahasa yang bertentangan dengan akal dan aspirasi masyarakat yang mendukungnya, yang melibatkan pertimbangan yang berbentuk sosial dan budaya. Sistem pada bahasa natural lebih bersifat insani dan melibatkan jiwa masyarakat yang mendukungnya (Teo Kok Seong, 1999 : 1 - 12). Teo Kok Seong (1999 : 1 - 12) telah menghuraikan tentang fenomena perubahan bahasa yang berlaku atas dorongan atau keperluan untuk berkelakuan sopan dari segi bahasa atau eufemisme. Misalnya, penggantian perkataan ‘janda’ dengan ‘ibu tunggal’, dan perkataan ‘bab’ digantikan dengan ‘khinzir’. Selain

itu, perubahan bahasa yang berlaku akibat tabu bahasa yang mengikut fahaman dan falsafahnya, sesuatu bentuk perkataan itu yang bersifat halus, manis dan sopan pada sesuatu masa, boleh menjadi tabu pada suatu masa yang lain. Misalnya, eufemisme ‘tandas’ pada suatu masa pernah menggantikan ‘jamban’, tetapi kini perkataan ‘tandas’ sudah menjadi tabu dan digantikan dengan eufemisme ‘bilik air’, dan akhir-akhir ini terdapat beberapa pihak yang berusaha untuk menggantikan ungkapan ‘bilik air’ yang sudah semacam menjadi tabu bahasa kepada eufemisme baru iaitu ‘bilik selesa’.

Satu persoalan yang ditimbulkan ialah sejauh manakah tradisi menentukan bentuk bahasa mana yang boleh dan harus digunakan atas dasar linguistik yang kontroversial, baik untuk perkembangan bahasa Melayu?

Menurut Robert Sibarani (2000 : 1039 - 1043) dalam kajiannya yang bertajuk, *Perubahan Bahasa : Kajian Linguistik – Budaya terhadap Leksikon*, perubahan bahasa yang diakibatkan oleh perubahan budaya lebih menonjol dalam aspek leksikon berbanding dengan aspek linguistik lain. Perubahan bahasa secara leksikon dapat dilihat dari beberapa segi iaitu , (1) penghilangan, (2) penambahan, (3) peluasan, (4) penyempitan, dan (5) pertukaran.

(1) **Penghilangan** – Unsur budaya yang hilang mengakibatkan hilangnya leksikon atau istilah untuk konsep budaya tersebut. Misalnya, kata ‘sen’ dan ‘ringgit’ yang tidak lagi dikenali sebagai leksikon bahasa Indonesia kerana bahasa Indonesia tidak lagi mengenali mata wang itu seperti dahulu. Penghilangan leksikon juga mungkin berlaku kerana pilihan masyarakat terhadap leksikon baru yang sama maknanya dengan leksikon lama.

- (2) **Penambahan** – Penambahan leksikon baru berlaku dengan munculnya konsep budaya baru sebagai akibat pengaruh kemajuan teknologi. Misalnya, dalam bahasa Indonesia, penambahan leksikon berlaku pada umumnya adalah disebabkan oleh tiga faktor, pertama, belum adanya istilah dalam bahasa Indonesia, kedua, sudah ada istilah tetapi maknanya atau nilai rasanya berbeza, dan ketiga, suburnya akronim.
- (3) **Peluasan** – Peluasan makna sebenarnya mencakupi bidang semantik leksikal, dan berhubungan dengan leksikon kerana yang dibincangkan ialah perubahan makna leksikon.
- (4) **Penyempitan** – Perubahan bahasa yang mencakupi penyempitan makna ialah pergeseran makna sebuah unsur bahasa yang menjadi lebih sempit atau lebih terbatas daripada makna sebelumnya.
- (5) **Pertukaran** – Perubahan bahasa akibat pertukaran ialah pertukaran bentuk bahasa atau tanda bahasa yang satu dengan bentuk bahasa atau tanda bahasa lain untuk melambangkan konsep yang sama.

## 2.2 PERKEMBANGAN PERISTILAHAN BIOLOGI

Kata-kata dalam bahasa Melayu saintifik (termasuklah biologi) sering mengalami pembaharuan khususnya dengan kemasukan kata-kata baru, di samping mempertahankan kata-kata yang sedia ada. Dari segi bentuknya, pengwujudan kata-kata baru itu adalah melalui dua cara. Pertama, melalui penciptaan dari unsur-unsur Melayu, dan kedua melalui pengambilan dari bahasa asing (dari bahasa serumpun mahupun yang bukan serumpun) dengan penyesuaian terhadap sistem bunyi dan ejaan bahasa Melayu (*Pedoman Umum Pembentukan Istilah Bahasa Melayu*, 1992 : 4 – 7). Usaha penggubalan istilah Biologi telah bermula dengan penubuhan Jawatankuasa Istilah Kajihayat pada

tahun 1965 yang telah berjaya menerbitkan hasil pertamanya iaitu buku *Istilah Kajihayat, Perhutanan dan Pertanian ( Inggeris – Melayu)* pada tahun 1968. Buku ini mengandungi 322 halaman dengan jumlah istilahnya 8 594 istilah, yang terdiri daripada istilah bidang Pertanian, Perhutanan, dan Kajihayat. Jawatankuasa yang mengusahakan buku ini terdiri daripada para pakar bidang dari Universiti Malaya, Jabatan Pertanian, Jabatan Perhutanan, dan Kolej Pertanian Serdang (Kementerian Pertanian). Dasar yang digunakan dalam usaha membentuk dan mencipta istilah dalam buku berkenaan adalah berpandukan kepada *Pedoman Membentok Istilah2 Baharu Dewan Bahasa dan Pustaka*. Pada mulanya istilah kajihayat yang diusahakan adalah untuk memenuhi keperluan pelajaran rampaian sains atau pun sains am. Kemudiannya diusahakan pula istilah-istilah yang digunakan dalam sains jati di peringkat Sijil Persekolahan, Sijil Tinggi Persekolahan dan peringkat awal universiti. Umumnya kegiatan penggubalan istilah pada peringkat awal ini boleh dikatakan hanya sekadar untuk menampung keperluan penggunaan istilah dalam bidang pendidikan yang sangat terbatas.

Seterusnya pengemaskinian dan penyesuaian dengan keperluan semasa telah dilakukan terhadap sebahagian besar istilah-istilah tersebut lalu terhasilah buku *Istilah Biologi (Bahasa Inggeris – Bahasa Malaysia )* pada tahun 1988. Buku ini mempunyai 414 halaman dengan jumlah istilahnya 22 770 istilah, kesemuanya istilah Biologi yang mencakupi beberapa subbidang seperti botani, zoologi, anatomi, fisiologi, genetik, entomologi, dan mikrobiologi. Jawatankuasa yang mengusahakan buku ini ialah Jawatankuasa Istilah Biologi Antara Universiti/Dewan Bahasa dan Pustaka. Pembentukan istilah dalam buku ini juga dihasilkan secara lebih sistematik berpandukan *Pedoman Umum Pembentukan Istilah Bahasa Malaysia (PUPIBM)* serta beberapa buku pedoman

lain, di samping prinsip serta kaedah peristilahan yang diamalkan oleh badan-badan peristilahan antarabangsa. Penggubalan istilah ini diusahakan atas kesedaran bahawa keperluan penggunaannya semakin bertambah.

### **2.3 MORFEM DAN PROSES PERISTILAHAN**

Morfem ialah unit atau unsur terkecil dalam bahasa yang mengandungi makna atau fungsi nahu. Morfem peristilahan ialah kata akar dan imbuhan yang digunakan dalam pembentukan istilah (Pedoman Umum Pembentukan Istilah Bahasa Melayu, 1992 : 1).

#### **2.3.1 MORFOLOGI**

Dari sudut ilmu morfologi, sesuatu kata atau leksikal itu terbentuk daripada unit linguistik terkecil yang mempunyai makna yang dikenali sebagai morfem (Zaharan Ahmad, 2000 : 1). Menurut Nik Safiah Karim (1989 : 1) pula, morfologi ialah bidang ilmu bahasa yang mengkaji struktur, bentuk dan penggolongan kata. Menurut beliau, struktur kata ialah susunan bentuk bunyi ujaran atau lambang (tulisan) yang menjadi unit bahasa yang bermakna. Bentuk kata pula ialah rupa unit tatabahasa, sama ada berbentuk tunggal atau hasil daripada proses pengimbuhan, penggandaan dan pemajmukan. Penggolongan kata pula merujuk pada proses menjeniskan perkataan berdasarkan keserupaan bentuk dan/atau fungsi dengan anggota lain dalam golongan yang sama.

Mengikut pendapat yang lain, Ramlan (1983 : 17) menjelaskan bahawa morfologi ialah ilmu bahasa yang membincangkan selok-belok kata serta fungsi perubahan-perubahan bentuk kata itu, baik fungsi gramatis atau fungsi semantik. Oleh itu, morfologi menitikberatkan hubungan antara morfem-morfem dan varian morfem.

Proses-proses dalam morfologi seperti yang disebutkan dapat memperkaya perkataan dalam sesuatu bahasa dan membolehkan seseorang pengguna bahasa

melahirkan ujaran atau tulisan dalam bentuk ayat-ayat yang pelbagai jenis. Hal ini kerana kata merupakan kesatuan terkecil dalam suatu sintaksis. Perkataan dalam otak manusia yang dikenali sebagai leksem adalah bersifat dasar dan abstrak sahaja. Leksem tersebut kemudiannya dikeluarkan melalui proses-proses morfologi tertentu untuk menjadi perkataan yang bersifat konkrit dan dicantumkan untuk membentuk ayat. Mengikut teori Transformasi Generatif, penutur jati sesuatu bahasa dapat memahami dan menghasilkan ayat-ayat yang tidak pernah didengarnya serta tidak terhad panjangnya kerana manusia telah dibekalkan kebolehan luar biasa. Manusia berupaya berbuat demikian kerana mereka mempunyai kecekapan berbahasa untuk menyusun rumus-rumus bahasa yang abstrak dan sangat ideal. Kebolehan seseorang penutur menggunakan bahasa dalam situasi tertentu dikenali sebagai perlakuan bahasa.

Proses pembentukan kata dalam sesuatu bahasa ialah proses penyusunan morfem menurut peraturan sistem morfologi bahasa itu. Dalam kebanyakan bahasa, proses pembentukan perkataan melibatkan pengimbuhan (Nik Safiah Karim et. al, 1989 : 4 – 7). Proses pengimbuhan juga banyak terlibat dalam pembentukan istilah yang mencakupi awalan, akhiran, sisipan, apitan, morfem kosong dan bentuk fleksi. Susunan istilah berimbuhan menunjukkan pertalian yang tersusun antara bentuk dan maknanya. Misalnya, bagi kata akar ‘klorin’, awalan peN- menghasilkan istilah ‘pengklorin’ yang memberi makna pelaku, manakala penambahan apitan pe...an menghasilkan istilah ‘pengklorinan’ yang membawa makna proses. Maklumat-maklumat tentang proses pengimbuhan ini digunakan sebagai panduan dalam penganalisisan data dalam kajian ini.

### **2.3.1.1 IMBUHAN**

Imbuhan ialah unit-unit bahasa tertentu yang ditambahkan pada bentuk akar yang menyebabkan perubahan nahunya. Imbuhan mencakupi bentuk-bentuk berikut : awalan, akhiran, sisipan, apitan, morfem kosong, dan bentuk fleksi (Nik Safiah Karim et. al., 1989 : 4).

### **2.3.1.2 AWALAN**

Awalan ialah imbuhan yang ditambahkan pada bahagian hadapan kata akar, misalnya ber- dalam ‘berkitar’ (Nik Safiah Karim et. al., 1989 : 5).

### **2.3.1.3 AKHIRAN**

Akhiran ialah imbuhan yang ditambahkan pada bahagian belakang kata akar, misalnya –an dalam ‘kitaran’ (Nik Safiah Karim et. al., 1989 : 5).

### **2.3.1.4 SISIPAN**

Sisipan ialah imbuhan yang diselitkan di antara unsur-unsur kata akar, misalnya, -el- dalam ‘leloceng’ (Nik Safiah Karim et. al., 1989 : 5).

### **2.3.1.5 APITAN**

Apitan ialah imbuhan yang ditambahkan serentak pada hadapan dan belakang kata akar, misalnya pe- ... -an dalam ‘pelupusan’ (Nik Safiah Karim et. al., 1989 : 5).

### **2.3.1.6 MORFEM KOSONG**

Ada morfem yang berubah fungsi nahunya tanpa apa-apa perubahan pada bentuknya (Nik Safiah Karim et. al., 1989 : 6). Misalnya, kata bahasa Inggeris *sheep* (kambing biri-biri) yang tidak berubah bentuknya daripada bentuk tunggal atau bentuk jamak.

### **2.3.1.7 BENTUK FLEKSI**

Bentuk fleksi ialah imbuhan yang ditambah pada kata akar untuk menentukan atau melahirkan sesuatu makna nahu (Nik Safiah Karim et. al., 1989 : 6). Misalnya, dalam bahasa Inggeris, imbuhan fleksi boleh ditambahkan pada akhir kata untuk menunjukkan perkataan tunggal yang dijamakkan, misalnya *girl – girls* ; pada kata kerja untuk menunjukkan kala, misalnya *close – closed* ; untuk menunjukkan kasus, misalnya *I, me, mine*.

## **2.4 UNSUR DAN PROSES TATABAHASA DALAM PERISTILAHAN**

Daripada tinjauan penulis, didapati bahawa ada beberapa unsur dan proses yang terlibat dalam pembentukan istilah bahasa Melayu. Maklumat-maklumat tersebut dapat memandu penulis untuk mendapatkan gambaran yang jelas dalam penulisan ini. Antara unsur yang digunakan dan proses-proses yang terlibat dalam pembentukan istilah adalah seperti yang berikut (Rusli Abdul Ghani, 1992 : 75 – 78) :

### **2.4.1 PENGGUNAAN KATA AKAR**

Istilah dapat dibentuk daripada kata akar. Dalam kes ini, kata umum bahasa Melayu atau bahasa serumpun ditingkatkan menjadi istilah dengan mendukung konsep istilah sumber. Misalnya, ‘bedah’ (istilah bahasa Melayu) – *dissect* (istilah bahasa Inggeris) (Rusli Abdul Ghani, 1992 : 75).

### **2.4.2 PROSES PENGIMBUHAN**

Proses pengimbuhan melibatkan penggunaan kata umum sebagai dasar untuk membentuk istilah dengan menggunakan imbuhan yang sesuai (Rusli Abdul Ghani, 1992 : 76).

- (a)     kata akar + apitan

- (i) ke ... an  
Misalnya, ‘ketambahan’ (bahasa Melayu) – *additivity* (bahasa Inggeris)
  - (ii) peN ... an  
Misalnya, ‘pengestivatan’ (bahasa Melayu) – *aestivation* (bahasa Inggeris)
- (b) kata akar + akhiran –an  
Misalnya, ‘pusaran’ (bahasa Melayu) – *eddy* (bahasa Inggeris)
- (c) kata akar + awalan pe-  
Misalnya, ‘penunjuk’ (bahasa Melayu) – *indicator* (bahasa Inggeris)
- (d) kata akar + sisipan –el-  
Misalnya, ‘leloceng’ (bahasa Melayu) – *campanulate* (bahasa Inggeris)  
(daripada ‘loceng’ + -el- menghasilkan istilah ‘leloceng’)

#### **2.4.3 PROSES PENGGANDAAN**

Istilah yang mengungkapkan konsep keanekaan, kemiripan kumpulan atau kejamakan dapat dibentuk melalui penggandaan (Rusli Abdul Ghani, 1992 : 76). Misalnya, ‘kacang – ‘kacang-kacang’ (kejamakan), ‘jari’ – ‘jejari’ (kemiripan), ‘rumput’ – ‘rerumput’ (keanekaan). Jenis yang paling banyak digunakan iaitu seperti ‘rerumput’ dan ‘jejari’ dikenali sebagai penggandaan jenis dwipurba.

#### **2.4.4 PROSES PENGGABUNGAN**

Kaedah ini masih produktif digunakan dan memerlukan daya kreativiti yang tinggi. Walau bagaimanapun ada juga kata gabung yang merupakan hasil pinjam terjemah. Dalam istilah bahasa Melayu, kata gabung wujud dalam tiga bentuk (Rusli Abdul Ghani, 1992 : 77), iaitu :

(a) bentuk terpisah

Misalnya, ‘cacing tanah’ (bahasa Melayu) – *earthworm* (bahasa Inggeris)

‘akar tunjang’ (bahasa Melayu) – *taproot* (bahasa Inggeris)

(b) bentuk bersempang

Bentuk ini diizinkan untuk mengelakkan kekeliruan dan menandakan bahawa terdapat perkaitan yang rapat antara dua unsur kata gabung itu. Misalnya, ‘cis-tatarajah’ (bahasa Melayu) – *cis-configuration* (bahasa Inggeris) ‘kesan cis-veksi’ (bahasa Melayu) – *cis-vection effect* (bahasa Inggeris)

(c) bentuk terangkai

Misalnya, ‘segi tiga’ (bahasa Melayu) – *triangle* (bahasa Inggeris)

#### **2.4.5 PELEBURAN FONEM**

Peleburan fonem terhasil melalui gabungan kata fonem terakhir kata pertama dengan fonem pertama kata kedua menjadi satu fonem, lalu kedua-dua kata itu bergabung membentuk satu kata (Rusli Abdul Ghani, 1992 : 77). Misalnya, ‘bendarir’ (bahasa Melayu) – *liquid* (bahasa Inggeris).

#### **2.4.6 PROLEKSEM**

Proleksem ialah bentuk terikat yang perlakunya seperti leksem, tetapi bukan leksem kerana tidak dapat berdiri sendiri, dan seperti imbuhan tetapi bukan imbuhan kerana mempunyai makna khusus. Bentuk begini dikenali sebagai proleksem (Rusli Abdul Ghani, 1992 : 77). Misalnya, ‘dwi’, ‘pra’, ‘eka’. Bentuk-bentuk ini boleh bergabung dengan kata akar untuk membentuk istilah. Misalnya, ‘dwicekung’ (bahasa Melayu) – *biconcave* (bahasa Inggeris).

#### **2.4.7 PEMENDEKAN**

Pemendekan dalam bahasa Melayu terbahagi kepada dua, iaitu :

- (a) Akronim

Akronim merupakan gabungan kata yang sebahagian daripada kata itu dileburkan (Rusli Abdul Ghani, 1992 : 76). Misalnya, ‘makan’ + ‘daun’ - ‘maun’ (*herbivore*)

- (b) Singkatan

Singkatan merupakan huruf atau gabungan huruf yang menjadi lambang kependekan bagi sesuatu istilah (Rusli Abdul Ghani, 1992 : 76). Misalnya, ‘s.t.p’ (suhu dan tekanan piawai) – *s.t.p* (*standard temperature pressure*)

#### **2.5 KAEAH PENGEJAAN ISTILAH PINJAMAN**

Menurut Hassan Ahmad (1992 : 6), dalam pembentukan istilah bahasa Melayu dan bahasa Indonesia, bahasa Inggeris merupakan sumber peminjam yang utama. Menurut beliau lagi, dalam penyesuaian ejaan istilah asing, yang penting ialah penerapan kata dan bentuk daripada bahasa asing itu hendaklah dibuat berdasarkan sistem bahasa dan sistem ejaan bahasa peminjam (bahasa sasaran) dan juga berdasarkan kaedah preskriptif, iaitu kaedah yang ditetapkan secara sedar. Berdasarkan faktor inilah maka Jawatankuasa Istilah Bahasa Melayu telah menghasilkan pedoman yang memperturunkan kategori jenis ejaan dalam pengejaan istilah pinjaman seperti yang berikut. Maklumat tentang kategori jenis ejaan ini dapat dimanfaatkan dalam penulisan selanjutnya, khususnya dalam menganalisis data.

### **2.5.1 EJAAN GRAFEMIK**

Ejaan grafemik ialah ejaan yang menggambarkan bunyi berdasarkan grafem-grafem yang telah dipersetujui dalam Sistem Ejaan Baru Bahasa Melayu (*Pedoman Umum Pembentukan Istilah Bahasa Melayu*, 1992 : 19).

### **2.5.2 EJAAN ETIMOLOGI**

Ejaan etimologi ialah ejaan yang dibentuk apabila timbul kekaburuan seperti apabila wujudnya sepasang istilah yang sama sebutan dan sama ejaan, maka perbezaan bolehlah dibuat dengan mengekalkan ejaan berserta sedikit penyesuaian yang perlu ke atas salah satu istilah itu (*Pedoman Umum Pembentukan Istilah Bahasa Melayu*, 1992 : 19).

### **2.5.3 EJAAN TRANSLITERASI**

Ejaan transliterasi bagi kata umum daripada bahasa Arab yang sudah terserap ke dalam bahasa Melayu dieja dalam ejaan Rumi mengikut cara mengeja kata-kata jati dalam bahasa Melayu (*Pedoman Ejaan Rumi bahasa Melayu*, 2000 : 24).

### **2.5.4 EJAAN TRANSKRIPSI**

Ejaan transkripsi ialah penulisan sebutan mengikut sebutan dalam bahasa yang berkaitan. Istilah asing yang dipinjam ke dalam bahasa Melayu tanpa diterjemahkan pada umumnya ditranskripsikan terlebih dahulu (*Pedoman Umum Pembentukan Istilah Bahasa Melayu*, 1992 : 20).

## **2.6 PENYESUAIAN EJAAN**

Berdasarkan darjah penyesuaian yang dibuat terhadap unsur istilah yang dipinjam itu, maka istilah dalam bahasa Melayu dapat dibahagikan kepada tiga golongan besar (*Pedoman Umum Pembentukan Istilah Bahasa Melayu*, 1992 : 20), iaitu :

- i. Istilah asing yang pengucapannya dan penulisannya sudah sebatik dalam bahasa Melayu, seperti pencek dan stesen. Ejaan jenis ini tidak diubah (*Pedoman Umum Pembentukan Istilah Bahasa Melayu*, 1992 : 20).
- ii. Istilah asing yang belum sepenuhnya diserap ke dalam bahasa Melayu, seperti *ad hoc*, *in vivo* dan *in vitro*. Bagi ejaan jenis ini, pengucapannya hendaklah dikenalkan seperti dalam bahasa sumber (*Pedoman Umum Pembentukan Istilah Bahasa Melayu*, 1992 : 20).
- iii. Istilah yang baru dipinjam dan belum sebatik atau tersesuai dari segi sebutan dan ejaan. Bagi istilah jenis ini pengejaannya dilakukan dengan mengubah unsur yang perlu saja supaya bentuk ejaan asal masih terlihat. Ini memudahkan pengenalan istilah baru itu untuk dibandingkan dengan istilah asal dalam bahasa sumber. Penyesuaian ejaan bagi istilah baru itu ditetapkan secara preskriptif mengikut kaedah seperti yang berikut (senarai penyesuaian ejaan 1 – 54 dirujuk daripada *Pedoman Umum Pembentukan Istilah Bahasa Melayu*, 1992 : 21 – 28). Pedoman penyesuaian ejaan bagi istilah baru ini amat berguna sebagai panduan kepada penulis semasa menganalisis data dalam kajian ini.
  1. ae jika bervariasi dengan e = e, misalnya haemoglobin = ‘hemoglobin’
  2. ae jika tidak bervariasi dengan e = ae, misalnya aerobe = ‘aerob’
  3. ai = ai, misalnya aigrette = ‘aigret’
  4. au = au, misalnya tautonym = ‘tautonim’
  5. c sebelum a, u, o dan konsonan = k, misalnya cauda = ‘kauda’
  6. c sebelum e, i, oe dan y = s, misalnya efficient = ‘efisien’
  7. cc sebelum o, u dan konsonan = k, misalnya accomodation = ‘akomodasi’

AS10823120

8. cc sebelum e dan i = ks, misalnya vaccinoid = 'vaksinoid'
9. ch, cch (yang disebut sebagai k) sebelum a, o dan konsonan = k, misalnya choleic = 'koleik'
10. ch yang dilafazkan c = c, misalnya chocolate = 'coklat'
11. ch (yang disebut sebagai s) = s, misalnya echelon = 'eselon'
12. e = e, misalnya system = 'sistem'
13. ea = ea, misalnya idealist = 'idealis'
14. ea (yang disebut [i]) = i , misalnya beaker = 'bikar'
15. ee = i, misalnya chimpanzee = 'cimpanzi'
16. ei = ei, misalnya proteinoid = 'proteinoid'
17. eo = eo, misalnya rheotaxis = 'reotaksiis'
18. eu = eu, misalnya leucocyte = 'leukosit'
19. f = f, misalnya infra = 'infra'
20. g = g, misalnya geobios = 'geobios'
21. gh = gh, misalnya ghaib = 'ghaib'
22. i = i, iodine = 'iodin'
23. ia = ia, misalnya diaphysis = 'diafisis'
24. ie = ie, misalnya diet = 'diet'
25. ie di akhir kata = i, misalnya calorie = 'kalori'
26. ie di akhir kata ekasuku = ai, misalnya pie = 'pai'
27. io = io, misalnya iliocaudal = 'iliokauda'
28. iu = iu, misalnya radium = 'radium'
29. ng = ng, misalnya inguen = 'inguen'

30. o = o, misalnya thrombosis = ‘trombosis’
31. oe (oi Yunani) = e, misalnya amoeba = ‘ameba’
32. oi = oi, misalnya fibroid = ‘fibroid’
33. oo = u, misalnya monsoon = ‘monsun’
34. oo (vokal ganda) = oo, misalnya spermatozoon = ‘spermatozoon’
35. ou (yang disebut [u] atau [ø] = u, misalnya contour = ‘kontur’
36. ou (yang disebut [au]) = au, misalnya counter = ‘kaunter’
37. ph = f, misalnya physode = ‘fisod’
38. q = k, misalnya frequency = ‘frekuensi’
39. rh = r, misalnya rhizopod = ‘rizopod’
40. sc sebelum a, o, u dan konsonan = sk, misalnya scute = ‘skut’
41. sc sebelum e, i = s, misalnya abscissa = ‘absisa’
42. th = t, misalnya theobromine = ‘teobromina’
43. ue di akhir kata = u, misalnya tissue = ‘tisu’
44. ue di akhir kata (selepas q atau g) digugurkan, misalnya technique = ‘teknik’
45. ui = ui, misalnya annuiti = ‘anuiti’
46. uo = uo, misalnya fluorescent = ‘fluoresen’
47. uu = u, misalnya vacuum = ‘vakum’
48. v = v, misalnya velum = ‘velum’
49. x pada awal kata = x, misalnya xyloid = ‘xiloid’
50. x pada posisi lain dalam kata = ks, misalnya latex = ‘lateks’
51. y yang tidak terletak pada awal kata = i, misalnya rhytidome = ‘ritidom’
52. z = z, misalnya zeatin = ‘zeatin’

53. konsonan ganda jadi konsonan tunggal, kecuali apabila mengelirukan, misalnya assimilation = ‘asimilasi’

54. huruf e yang biasanya dilafazkan [e] dalam suku kata akhir terbuka dikenalkan, misalnya cylinder = ‘silinder’

## 2.7 PENYESUAIAN EJAAN IMBUHAN ASING

Daripada tinjauan penulis didapati bahawa dalam proses peminjaman untuk membentuk istilah, peminjaman imbuhan asing juga turut terlibat. Hal ini kerana imbuhan asing juga boleh dianggap sebagai sebahagian daripada istilah yang hendak diserap. Cara pengejaan imbuhan yang dipinjam hendaklah mematuhi pedoman penyesuaian ejaan seperti yang tersebut di atas. Imbuhan asing terbahagi kepada kumpulan yang berikut (*Pedoman Umum Pembentukan Istilah Bahasa Melayu*, 1992 : 28) :

### 2.7.1 AWALAN ASING

Awalan asing ialah awalan daripada istilah asing yang terdapat pada awal sesuatu kata, antaranya adalah seperti yang berikut,

a-, ab-, abs-, amb-, amphi-, ana-, ante-, anti-, ant-, apo-, auto-, bi-, de-, di-, dia-, dis-, ex-, exo-, extra-, en-, em-, endo-, epi-, hex-, hemi-, hepta-, hetero-, hyper-, hypo-, homo-, in-, infra-, inter-, intra-, intro-, iso-, cata-, co-, con-, contra-, quasi-, meta-, mono-, pan-, para-, par-, penta-, panto-, peri-, poly-, prae-, pre-, pro-, proto-, pseudo-, retro-, semi-, demi-, syn-, sym-, sub-, super-, supra-, tele-, trans-, tri-, ultra-, uni- (*Pedoman Umum Pembentukan Istilah Bahasa Melayu*, 1992 : 29).

### **2.7.2 AKHIRAN ASING**

Akhiran asing ialah akhiran daripada istilah asing yang terdapat pada akhir sesuatu kata, antaranya adalah seperti yang berikut,

-ac, -al, -ar, -acy, -cy, -asm, -and, -end, -ance, -ence, -ate, -ble, -et, -ette, -ete, -ect, -ific, -y, -ide, -ive, -ic, -ique, -ics, -icle, -ile, -eel, -il, -le, -me, -eur, -ical, -ist, -ism, -ysm, -ite, -ity, -oid, -ot, -sion, -tion, -sis, -sy, -se, -et, -t, -ter, -tre, -ure (*Pedoman Umum Pembentukan Istilah Bahasa Melayu*, 1992 : 31).

### **2.7.3 GUGUS KONSONAN**

Salah satu pedoman yang diperturunkan dalam Sistem Ejaan Rumi Baharu Bahasa Melayu ialah gugus konsonan yang terdapat dalam bahasa Melayu adalah khusus bagi menulis kata/istilah pinjaman daripada bahasa asing (*Pedoman Ejaan Rumi Bahasa Melayu*, 2000 : 1). Penelitian tentang pola umum gugus konsonan diperlukan dalam kajian tentang peristilahan kerana kebanyakan istilah terbentuk daripada bahasa asing. Pola umum gugus konsonan, iaitu gugus dua konsonan boleh terdapat pada awal, tengah, atau akhir kata. Gugus-gugus konsonan ini diterima dalam bahasa Melayu khusus untuk mengekalkan bentuk visual istilah-istilah ilmiah. Selain itu, gugus konsonan pada posisi akhir kata yang dipinjam ke dalam bahasa Melayu dipertahankan atas alasan etimologi, kemudahan mempelajari bahasa dan keseragaman bentuk. Kehadiran gugus konsonan ini dalam bahasa Melayu telah mewujudkan tujuh pola suku kata tambahan, di samping empat pola umum dalam bahasa Melayu. Pola suku kata tambahan tersebut ialah (*Pedoman Umum Pembentukan Istilah Bahasa Melayu*, 1992 : 32 – 35),

- a. KKV - in-fra
- b. KVKV - prak-tis
- c. VKK - eks
- d. KVKK - kon-teks
- e. KKVKK - kom-pleks
- f. KKKV - stra-te-gi
- g. KKKVK - struk-tur

Empat pola suku kata umum dalam bahasa Melayu ialah (Pedoman Ejaan Rumi Bahasa Melayu, 2000 : 8),

- a. V - i-bu
- b. VK - er-ti
- c. KV - ban-tu
- d. KVK - hi-lang

## **2.8 SEMANTIK ISTILAH**

Bidang semantik sudah lama menarik perhatian para pengkaji bahasa. Penyusunan kamus dan penulisan tatabahasa secara tradisional merupakan buktinya yang ketara. Penyusunan kamus melibatkan pengkajian tentang makna perkataan dan ungkapan-ungkapan bahasa, manakala penulisan tatabahasa secara tradisional membuat penggolongan perkataan berdasarkan makna perkataan-perkataan tersebut dalam sesuatu bahasa yang tatabahasanya ditulis atau dihuraikan (Hartmann, R.R.K. (ed.), 1993 : 4).

Sebagaimana halnya dengan fonologi, morfologi dan sintaksis, semantik ialah salah satu komponen linguistik dalam bidang linguistik. Mengikut pendapat ahli linguistik, semantik terletak di satu hujung pada model linguistik, manakala fonologi pula berada pada hujung satu lagi. Morfologi dan sintaksis pula terletak di tengah-tengah antara kedua-duanya. Ilmu semantik mengkaji makna pada dua peringkat, yakni pada peringkat perkataan dan pada peringkat ayat (Lyons, J., 1994 : 8). Dalam kajian ini, hanya kajian makna pada peringkat perkataan akan disentuh berdasarkan tujuan kajian ini. Kaedah analisis komponen makna biasanya digunakan oleh ahli-ahli antropologi dalam menganalisis perkataan-perkataan yang digunakan dalam bidang kekeluargaan, kata ganti nama, kata warna, dan sebagainya. Kaedah ini timbul setelah pelbagai kaedah sebelumnya didapati kurang memuaskan dan tidak mencukupi untuk menjelaskan perkataan yang mempunyai perkaitan makna. Misalnya, kata ‘bapa’ dan ‘abang’ dalam bahasa Melayu mempunyai persamaan komponen makna [+lelaki], tetapi komponen makna [+lelaki] itu tidak dapat dihubungkan dengan penggalan-penggalan fonologi kedua-dua kata itu. Contoh lain pula ialah kata ‘emak’ dan ‘kakak’ mempunyai persamaan komponen makna [+perempuan] walaupun tidak ada persamaan dari segi fonologi.

Menurut E.A. Nida (1975 : 33), untuk menganalisis makna unit leksikal dalam bahasa asing, ada dua jenis sumber utama yang biasanya digunakan, (1) items dalam konteks, sama ada teks yang sedia ada atau bahan yang disediakan oleh informan (2) kamus-kamus (eka atau dwibahasa) dan daftar kosa kata dengan keterangan makna ringkas. Dalam penganalisisan makna, mana-mana satu atau kesemua jenis sumber perlu digunakan dengan baik. Untuk tujuan kajian ini, kamus ekabahasa khususnya *Kamus Dewan* (1994) digunakan sebagai sumber utama untuk mengumpulkan maklumat tentang

makna-makna kata dalam bahasa Melayu. Kamus-kamus ekabahasa bahasa Inggeris pula digunakan untuk mendapatkan maklumat tentang kata sumber dan makna asal sesuatu kata dalam bahasa Inggeris.

Sekurang-kurangnya ada dua pendekatan yang boleh digunakan untuk mendapatkan makna bahasa ; secara semantik atau secara pragmatik. Melalui cara semantik, bahasa difahami melalui komponen makna yang ada dalam sesuatu kata. Manakala makna pragmatik diperoleh apabila kata itu digunakan dalam ayat. Makna semantik bersifat konseptual dan eksplisit, manakala makna pragmatik bersifat situasional dan implisit. Menurut Leech (1983 : 31), semantik lazimnya menganggap makna sebagai pertalian dua segi antara bahasa dengan hal yang dilambangkannya, manakala pragmatik pula menganggap makna sebagai pertalian segi tiga antara pengguna bahasa, lambang bahasa, dan hal yang dilambangkannya.

Ilmu semantik sememangnya bidang linguistik yang khas mengkaji selok-belok makna kata. Bidang ini melihat ujaran, iaitu lisan atau tulisan dari segi kebermaknaannya. Kebermaknaan berkaitan dengan struktur dan isi ujaran. Struktur ujaran dianalisis melalui fonologi, morfologi, dan sintaksis, manakala isi (yang menghuraikan makna) dianalisis dengan semantik. Isi ujaran meliputi domain yang luas, mulai dari domain linguistik sehingga ke domain di luar linguistik seperti ekonomi, psikologi, sosiologi, antropologi, sains, teknologi, budaya, dan sebagainya. Pada umumnya, semantik telah memberikan sumbangan yang besar dalam menghuraikan makna sesuatu kata.

### **2.8.1 Teori-teori Semantik**

Ada beberapa teori semantik yang lazim digunakan untuk menjelaskan makna. Tiga antaranya yang paling mendasar ialah,

### **2.8.1.1 Teori Analisis Komponen Makna**

Teori analisis komponen makna dipelopori oleh J. J. Katz (1972). Teori ini berandaian bahawa, (i) Struktur leksikal pada bahasa semula jadi dapat dianalisis dari sudut semantik berasaskan pembentukan set kecil elemen makna yang dapat dianggap universal, (ii) makna perkataan dilihat dalam hubungannya dengan perkataan lain, (iii) elemen makna membayangkan struktur kognitif dan struktur pengamatan organisasi manusia, (iv) komponen makna bukanlah setengah daripada perbandaharaan kata, tetapi lebih sebagai elemen teoretikal yang digunakan untuk menghuraikan hubungan semantik antara elemen-elemen leksikal dalam suatu bahasa, (v) perkataan tidak mempunyai makna tunggal, tetapi lebih bersifat sekelompok komponen makna.

Teori ini merupakan sebahagian daripada pendekatan Katz dan Fodor untuk menggabung teori sintaksis dengan semantik dalam usaha untuk mencuba melihat makna perkataan dan hubungan antara satu perkataan dengan satu perkataan lain. Menurut Marsis Muhamad Nasir (1997 : 1010), T. Fatimah Djajasudarma (1994) dan Abdul Chaer (1995) telah menerapkan teori ini dalam menganalisis perbezaan kata ‘perempuan’ dan ‘wanita’. Menurut mereka, perbezaan kedua-dua kata itu terletak pada kandungan komponen kerjaya. Kedua-dua kata itu mengandungi makna (a) manusia, (b) berkelamin betina. Komponen makna kerjaya hanya ada pada kata ‘wanita’ manakala kata ‘perempuan’ hanya memiliki makna makhluk hidup sebagai manusia yang berkelamin betina.

Kesesuaian semantis dan gramatis digalakkan juga oleh teori analisis komponen makna. Menurut Chafe (1970) dalam Marsis Muhamad Nasir (1997 :

1010), setiap unsur leksikal mengandungi ketentuan penggunaan yang melekat secara gramatis dan semantis dan bersifat semula jadi. Misalnya, kata kerja ‘makan’ dalam penggunaannya memerlukan adanya suatu subjek dan suatu objek (walaupun objek boleh dihilangkan). Kemudian dalam ketentuan semantis berlaku pula kelaziman bahawa subjek yang akan dipasangkan pada kata ‘makan’ itu harus sesuatu yang bernyawa dan objeknya haruslah makanan.

Walau bagaimanapun, analisis komponen makna masih belum dapat menerangkan dengan jelas apabila kata-kata yang digunakan bermakna kiasan, metafora, eufemisme dan yang sejenisnya.

Menurut Nor Hashimah Jalaluddin (1992 : 1 - 21), perkembangan ilmu semantik terbahagi kepada tiga peringkat yang nyata, iaitu, (1) peringkat semantik struktural yang ditakrifkan sebagai salah satu komponen tatabahasa yang menguntukkan perwakilan semantik kepada ayat, (2) peringkat semantik generatif dan interpretif yang dilihat sebagai salah satu komponen tatabahasa yang menguntukkan bentuk-bentuk logik kepada ayat, dan (3) peringkat semantik formal (syarat-benar) yang dianggap sebagai salah satu komponen tatabahasa yang menguntukkan interpretasi semantik kepada ayat bagi membolehkan syarat-benar suatu ayat. Ketiga-tiga peringkat ini masih belum dapat menerangkan makna secara berkesan, kerana antara bentuk logik dengan interpretasi semantik belum dilengkapi dengan proposisi atau bahasa pemikiran. Perbezaan antara bentuk proposisi dengan bentuk logik ialah bentuk proposisi lebih mudah dicari salah-benarnya, dan dengan itu mampu juga menentukan set syarat-benarnya. Oleh itu, peringkat keempat diperlukan, iaitu semantik sistem penuh yang

dipelopori oleh Sperber dan Wilson (1985-1986) yang merangka kaitan ilmu semantik dengan pragmatik bagi memperoleh makna yang lebih sempurna.

### **2.8.1.2 Teori Referens**

Teori referens beranggapan bahawa erti sesuatu ujaran ialah apa-apa yang secara khas menjadi rujukan kepada ujaran atau kata itu. Huraian makna dalam teori referens disebut sebagai penunjuk, atau dengan perkataan lain makna perkataan dijelaskan berdasarkan hubungan antara perkataan dengan objek yang dirujuknya. Teori ini juga dikenali sebagai teori denotasi (Akmajian et al., 1995 : 228 - 229), yang mengatakan bahawa makna setiap ungkapan ialah objek (sebenar) yang dilambangkannya, iaitu denotasinya. Misalnya, kata ‘baju’ bermakna pakaian untuk menutup badan kerana rujukannya ialah pada pakaian untuk menutup badan. Kalau kata ‘cantik’ yang akan diterangkan, maka adalah sukar untuk menerangkannya kerana rujukannya tidak jelas. Dalam *Kamus Dewan*, 1994 ‘cantik’ bermakna sangat menarik apabila dipandang. Dengan yang demikian, makna ‘cantik’ tidak dapat diterangkan dengan sempurna kerana merupakan sifat suatu benda, dan bukannya kata nama atau kata ganti nama.

### **2.8.1.3 Teori Konseptual**

Teori konseptual beranggapan bahawa, (1) tiada hubungan langsung antara bentuk bahasa dengan konsep yang dilambangkannya, tetapi makna itu merupakan unit mental yang dikenali sebagai konteks, (2) erti suatu ujaran ialah apa-apa yang secara khusus menjadi rujukan bagi kata tersebut, (3) konsep ditakrifkan sebagai bentuk abstrak bagi referens, yakni yang ada dalam skema penggunaan bahasa, (4) makna merupakan visualisasi mental.

Menurut Lyons (1968) terjemahan Soetikno (1995 : 400 - 401), penyelidikan makna yang kerangka teorinya berasaskan adanya konsep, tidak dapat mengelakkan timbulnya subjektivisme dan introspeksi. Menurut beliau, semantik merupakan ilmu empiris yang seboleh-bolehnya menghindari komitmen terhadap perselisihan antara ahli filosofi dan ahli psikologi. Namun demikian, teori ini tidak dapat membezakan kompetensi dengan performansi kerana sukar membezakan makna ujaran daripada apa yang hendak dimaksudkan. "Tamparlah, kalau berani !" bermakna "Jangan tampar!"

### **2.8.2 Istilah dan Penyempitan Makna**

Penyempitan makna berlaku apabila kata umum dikhususkan konsepnya, iaitu makna asal kata itu disempitkan untuk membentuk suatu istilah (Rusli Abdul Ghani, 1992 : 75).

Misalnya, 'kupu-kupu' - *butterfly*

'rama-rama' - *moth*

Sungguhpun dalam kamus umum bahasa Melayu 'rama-rama' dan 'kupu-kupu' dianggap bersinonim, tetapi dalam peristilahan Biologi makna setiap kata itu dikhususkan supaya satu istilah hanya mendukung satu konsep sahaja.

### **2.8.3 Istilah dan Peluasan Makna**

Peluasan makna terjadi apabila sesuatu kata bahasa Melayu itu dianggap hampir dengan istilah sumber, tetapi konsepnya tidak merangkumi keseluruhan konsep istilah bahasa sumber (Rusli Abdul Ghani, 1992 : 70). Kata tersebut boleh

diterima dengan syarat peluasan makna itu tidak menimbulkan kekeliruan, dan perubahan ini seelok-eloknya dirakamkan dalam kamus.

Misalnya, ‘cakera’ (bahasa Melayu) - *disc* (bahasa Inggeris)

Makna ‘cakera’ mengikut *Kamus Dewan* (edisi baru, 1989) yang digunakan semasa pembentukan istilah itu ialah, (a) roda ; (b) senjata yang bulat dan tajam tepinya; dan (c) besi yang dipipih bulat yang dilemparkan dalam pertandingan sukan. Dalam kamus bidang Sains Komputer pula, *disc* memberi makna berikut, *A rotating circular plate having a magnetizable surface on which information may be stored as a pattern of polarized spots on concentric recording tracks.* (*McGraw-Hill Dictionary of Scientific and Technical Terms*)

Kelihatan bahawa ‘cakera’ pada asalnya tidak membawa konsep yang ada pada cakera komputer. Walau bagaimanapun, disebabkan beberapa ciri yang ada pada ‘cakera’ asal itu, seperti bulat dan leper ada juga pada cakera komputer, maka makna ‘cakera’ diperluas untuk merangkumi juga konsep cakera komputer.

## 2.9 PERUBAHAN MAKNA

Perubahan makna ialah proses menambah atau mengurangi makna kata yang sedia ada. Palmer (1981 : 9) menyatakan bahawa perubahan makna sesuatu kata itu boleh terjadi kerana perkara-perkara yang tidak disengajakan, tetapi berubah secara alamiah. Misalnya, kata *car* yang berasal daripada kata usang *chariot* (kereta kuda), yang kemudiannya dihidupkan semula apabila kereta bermotor direka cipta. Kata *car* dikatakan mengalami perubahan makna sekali gus berkembang daripada makna yang jarang terpakai menjadi kerap terpakai.

### **2.9.1 Faktor Pengubah Makna**

Secara sengaja atau tidak, perubahan makna itu terjadi disebabkan oleh beberapa faktor, antara lain ; (1) perkembangan ilmu dan teknologi, misalnya perubahan makna keretapi dulu berbanding sekarang, (2) perkembangan sosial budaya, misalnya kata ‘saudara’ yang dulunya bermakna sekandung kini ditambah dengan komponen makna teman, panggilan atau sapaan kehormatan, (3) perbezaan bidang penggunaan, misalnya kata ‘biji benih’ dalam bidang pertanian bermakna biji daripada buah yang akan ditanam, manakala dalam bidang biologi bermakna benda yang akan menjadi benda hidup seperti sperma, (4) perbezaan indera penanggap, misalnya kata ‘manis’ bagi lidah bermakna enak dirasa, manakala kata ‘manis’ bagi mata bermakna sedap dipandang, (5) proses asosiasi, misalnya kata ‘amplop’ bermakna pembungkus surat, tetapi kerana berasosiasi iaitu yang dibungkus ialah wang, maka maknanya berubah menjadi rasuah, (6) tanggapan konotatif, misalnya kata ‘jamban’ yang dianggap berkonotasi menjijikkan digantikan dengan kata ‘tandas’, atau ‘bilik air’, (7) proses gramatikal, terjadi kerana perubahan tempat penggunaannya dalam ayat.

Abdul Chaer (1995) dalam Marsis Muhamad Nasir (1997 : 1012) menambah bahawa proses penyingkatan dan proses pengembangan istilah merupakan faktor yang boleh menyebabkan perubahan makna. Walau bagaimanapun proses penyingkatan yang diusulkan itu bukanlah faktor penyebab perubahan makna kerana proses penyingkatan tidak mengubah makna tetapi hanya mengubah bentuk kata daripada panjang menjadi lebih singkat. Misalnya, kata *laboratorium* disingkatkan menjadi *lab*, tetapi makna kedua-dua kata itu

tetap sama. Sebaliknya, proses pengembangan istilah memanglah merupakan penyebab perubahan makna kerana mengikuti perkembangan ilmu dan teknologi serta perkembangan sosial budaya pengguna bahasa.

### **2.9.2 Jenis Perubahan Makna**

Palmer (1981 : 9 - 14) mengklasifikasikan perubahan makna kepada beberapa jenis, iaitu ; (1) peluasan makna, (2) penyempitan makna, (3) metafora, (4) metonimi (kehampiran dari segi ruang dan waktu), (5) sinekdot (hubungan separuh-seluruh), (6) hiperbola (makna keras menjadi lemah), (7) litotes (makna lemah menjadi keras), (8) pemerosotan, dan (9) penyingkatan.

Lyons (1977) dalam Marsis Muhamad Nasir (1997 : 1012) menyatakan bahawa perkembangan makna itu berbentuk (1) generalisasi (perluasan makna), (2) spesifikasi (penyempitan makna), (3) penggantian makna secara total, dan (4) penambahan komponen makna.

Pendapat Blakemore (1992 : 155 - 179) pula mengatakan bahawa walau bagaimana sekalipun terjadinya perubahan makna, masih sentiasa ada komponen yang menghubungkan makna baru dengan makna asal. Misalnya, perubahan makna akibat proses metafora, ironi dan sebagainya, makna semantik yang diperoleh secara tatabahasa selalunya dihubungkan oleh komponen tertentu dengan makna baru yang diperoleh secara pragmatik. Makna pragmatik sememangnya lebih sempurna kerana ditafsirkan dengan pertimbangan tatabahasa (semantik dan sintaksis) ditambah pula dengan pertimbangan konteks situasi, sehingga makna yang diperoleh adalah makna pertuturan yang sempurna.

Hubungan makna lama dan baru boleh berbentuk hubungan keserupaan bentuk atau hubungan kesamaan sifat.

## **2.10 PERUBAHAN BAHASA DALAM BAHASA MELAYU**

Perkembangan bahasa Melayu dari segi bentuknya sudah berlaku sejak beberapa alaf yang lalu (Asmah Haji Omar, 1999 : 963). Dari alaf ke alaf bahasa Melayu terus berkembang dengan meluaskan perbendaharaan katanya selaras dengan perkembangan kehidupan masyarakat. Peluasan perbendaharaan kata boleh berlaku melalui dua proses, iaitu (1) introgresi – perkembangan yang berlaku dalam masyarakat sendiri, yakni perkembangan berdasarkan ciptaan-ciptaan baru dengan menggunakan unsur-unsur yang sedia ada dalam bahasa termasuklah daripada dialek-dialek. Sebahagian besar kata dalam bahasa Melayu terhasil daripada proses introgresi. Kata-kata ini menunjukkan berlakunya proses-proses seperti pengimbuhan (penggunaan awalan, akhiran, sisipan), pengulangan dan penggabungan. Dalam proses introgresi ini, ada juga unsur-unsur lama yang ditimbulkan kembali untuk memberi kesegaran kepada perbendaharaan kata yang sedia ada. (2) peminjaman unsur asing – sejarah perkembangan bahasa kita menunjukkan bahawa dalam proses memperkaya bahasa kita, banyak berlakunya peminjaman unsur-unsur asing, sama ada bahasa dari kawasan yang sama, seperti Jawa dan Aceh, atau dari bahasa di luar kawasan Melayu seperti Sanskrit, Arab, Parsi, Belanda, Portugis, Cina, India, dan Inggeris. Akhir-akhir ini didapati bahawa unsur-unsur dari bahasa Inggeris melebihi unsur pinjaman dari bahasa-bahasa lain.

Kedua-dua proses introgresi dan peminjaman itu berlaku sepanjang zaman, dan keseimbangan antara kedua-dua proses itu bukan saja dapat memperkaya bahasa Melayu, bahkan juga memberi kemungkinan pertambahan bidang penggunaan bahasa berkenaan.

Proses introgresi memberikan kestabilan kepada bahasa Melayu dengan mempertahankan ciri-ciri Melayu, manakala peminjaman memberikan nafas baru yang dibawa dari luar kepada perbendaharaan kata yang sedia ada.

Dari masa ke masa bahasa Melayu telah mengalami perubahan wajahnya, seperti yang terbayang dalam unsur-unsurnya, perbendaharaan katanya, serta pembentukan kata dan ayatnya. Boleh dikatakan bahawa perubahan yang berlaku itu adalah perubahan dari keadaan yang kurang efisien kepada yang lebih efisien, iaitu bahasa Melayu telah berubah menjadi bahasa yang lebih bertenaga dan lebih berdaya saing jika dibandingkan dengan yang sebelum ini. Dengan kata lain, proses introgresi dan peminjaman yang berlaku secara seimbang telah memberi tenaga dalaman kepada bahasa Melayu supaya dapat menjalankan tugas sebagai alat pengungkapan bagi berbagai-bagai bidang kehidupan dan ilmu pengetahuan.

## **2.11 KESIMPULAN**

Setakat tinjauan penulis, terdapat beberapa kajian tentang perubahan bahasa yang mengkaji perubahan kata umum. Menurut McMahon (1994 : 11 - 13), perubahan bahasa mempengaruhi semua aspek tatabahasa, iaitu : sistem bunyi atau fonologi ; struktur perkataan atau morfologi ; struktur ayat atau sintaksis ; dan makna ayat atau semantik. Dalam mengkaji perubahan bahasa juga, tiga masalah berkaitan perubahan linguistik juga perlu diambil kira, iaitu : bagaimana perubahan itu berlaku ; penyebaran perubahan berkenaan ; dan adakah perubahan linguistik itu dapat dihuraikan. Kajian tentang peristilahan pula setakat tinjauan penulis menunjukkan bahawa kajian terdahulu kebanyakannya adalah tentang bentuk istilah yang terhasil di samping ada juga yang mengkaji tentang kepenggunaan istilah. Walau bagaimanapun, belum ada kajian tentang

perubahan bahasa yang secara khusus merujuk pada perubahan istilah dalam tempoh masa dua puluh tahun.